

06 AUG 1998

Djibouti-Pelaburan/I

INSENTIF TAMBAHAN BAGI PELABUR M'SIA DI DJIBOUTI

KUALA LUMPUR, 6 Ogos (Bernama) -- Djibouti yang kini menawarkan pengecualian cukai sehingga 10 tahun terhadap pulangan pelaburan, sanggup menimbangkan insentif-insentif lain bagi pelabur Malaysia.

Presiden Djibouti Hassan Gouled Aptidon berkata, kerajaan beliau sanggup membincangkan dengan lanjut bentuk insentif yang diperlukan oleh pelabur Malaysia yang beliau harap akan membawa kemahiran dan pengalaman ke negaranya.

"Kita meminta Malaysia supaya menghantar satu misi ke Djibouti untuk meninjau peluang-peluang dan membincangkan cara-cara memenuhi keperluan mereka," kata beliau dalam persidangan berita di akhir lawatan rasmi enam hari ke sini.

Presiden Aptidon dan rombongannya yang termasuk dua menteri, pegawai-pegawai kanan kerajaan dan ahli-ahli perniagaan berada di sini bagi lawatan negara sembilan hari bermula 1 Ogos. Untuk tiga hari lagi mereka akan menjalankan program lawatan sendiri sebelum berlepas ke China dan Jepun pada Isnin.

Aptidon gembira mendapat tahu yang satu delegasi peringkat tinggi Malaysia akan melawat Djibouti kelak.

Aptidon yang bercakap menerusi jurubahasa berkata, kedudukan Djibouti yang strategik di benua Afrika, menawarkan pelabur-pelabur Malaysia pintu masuk yang strategik bukan sahaja ke benua itu tetapi juga ke Mediteranean.

Beliau mengucapkan terima kasih kepada Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, kerajaan dan rakyat Malaysia kerana layanan mesra semasa lawatannya ke sini.

Ditanya sama ada, kelembapan ekonomi di Malaysia sekarang ini akan melunturkan minat Djibouti untuk menjalin hubungan yang lebih rapat, beliau berkata: "Sudah tentu tidak. Ini situasi sementara yang Malaysia boleh harungi dan kita mahu masa depan yang lebih baik."

Sementara itu Menteri Komersil dan Industri Djibouti, Mohamed Barkat Abdillahi mengulas lanjut kepada media yang sebarang pelaburan di Djibouti dari AS\$250,000 dan ke atas tidak dikenakan cukai bagi tempoh 10 tahun dan pelaburan kurang dari AS\$250,000 dikecualikan cukai sehingga 5 tahun.

"Dengan jumlah penduduk lebih kurang satu juta pendapatan perkapita AS\$800, kita juga menyediakan lokasi strategik sebagai pintu masuk pasaran timur Afrika yang mempunyai 80 juta penduduk," katanya.

Di samping itu katanya, mata wang Djibouti, Franc terus kekal pada 117 berbanding dolar Amerika sejak 1950, dan negaranya juga membenarkan pelabur membawa keluar wang tanpa sebarang halangan dan pelabur asing boleh memegang ekuiti sehingga 100 peratus.

Ahli-ahli perniagaan Djibouti dalam rombongan itu katanya sangat tertarik dengan mutu dan harga barang-barang buatan Malaysia dan telah berbincng untuk menggajikan rakyat Malaysia dengan kemahiran dalam bidang tertentu di Djibouti.

Beliau berkata, pembuatan produk-produk untuk pasaran Afrika sebagai permulaan boleh dilakukan di Djibouti oleh pelabur-pelabur Malaysia.

Semasa lawatan itu, Djibouti menandatangani dua perjanjian dengan Malaysia iaitu mengenai Penggalakkan dan Perlindungan Pelaburan dan Kerjasama Ekonomi, Saintifik, Teknikal dan Budaya.

-- BERNAMA

MNY PR